

# Kumpul hasil kasar RM37j

## Ireka kukuh asas modal di Pasaran Utama

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

Ireka Corporation Bhd (Ireka) akan mengukuhkan asas modalnya bagi membolehkan syarikat menghasilkan nilai lebih tinggi dalam jangka panjang sebagai syarikat yang tersenarai.

Pengarah Eksekutifnya, Monica Lai Voon Huey berkata, Ireka tersenarai di Pasaran Utama menerima kelulusan pemegang saham pada mesyuarat agung luar biasanya (EGM) bagi cadangan pengumpulan dana menerusi terbitan hak boleh tolak.

Katanya, cadangan terbitan dua hak belian dengan waran itu adalah bagi asas satu saham hak dengan satu waran percuma bagi setiap dua saham Ireka yang dipegang.

"Cadangan terbitan korporat terbabit akan mengumpulkan hasil kasar segera kira-kira RM37 juta berasaskan kepada harga indikatif belian pertama 65 sen bagi setiap saham hak.

"Syarikat juga mungkin mengumpulkan hasil kasar tambahan sebanyak RM56 juta selepas penyerbitan penuh waran berdasarkan harga indikatif RM1," katanya selepas EGM, semalam.



ABDULLAH (tengah) berucap pada EGM, semalam.

Hadir sama, Pengurus Ireka, Abdullah Yusof dan Pengarah Eksekutifnya, Lai Voon Hon.

Lai berkata, hasil itu akan digunakan bagi modal kerja Ireka dan anak syarikatnya yang terbabit terutamanya dalam segmen pembinaan dan pembangunan harta tanah.

Sementara itu, Abdullah berkata, Ireka turut menerima perolehan kontrak pembinaan bernilai RM1.1 bilion dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM2.2 bilion bagi perancangan enam tahun akan datang.

Menurutnya, Ireka terus komited dalam pembangunan harta tanah dan optimis segmen ini akan berkembang pada masa akan datang.

"Ahli lembaga akan bekerja keras untuk memastikan cadangan terbitan juga bergerak dengan lancar sekali gus memastikan reputasi baik serta kukuh dicapai syarikat," katanya.

Beliau berkata, antara projek yang akan dijalankan oleh Ireka ialah Kasia Greens di Nilai, dwi@Rimbun Kasia, Asta Enterprise Park di Kajang dan The RuMa Hotel di Jalan Kia Peng Kuala Lumpur.

### FAKTA

Ireka tersenarai di Pasaran Utama menerima kelulusan pemegang saham pada EGM